

8 Jun 2019 (Sabtu)

Lancar projek harta tanah kedua di Melbourne



DARI kiri, Mohamad Haslah, Lee Pengarah Urusan Kumpulan Matrix Concepts, Ho Kong Soon, Jon Wee dan Ketua Pegawai Jualan dan Pemasaran Matrix Concepts, Lim Kok Yee melihat pameran projek pembangunan harta tanah di Melbourne, Australia di Hilton Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur: Peneraju pemaju harta tanah di Negeri Sembilan, Matrix Concepts Holdings Bhd (Matrix Concepts) melancarkan projek harta tanah kedua di Melbourne, M Greenvale dengan nilai pembangunan kasar (GDV) AUD\$48 juta.

Projek di atas tanah seluas 4.4 hektar itu menempatkan 70 unit banglo di kawasan pinggir bandar utara Melbourne dengan harga

bermula AUD\$600,000.

Pengarah Urusan Matrix Concepts (Australia) Pty Ltd, Jon Wee berkata, kerja pembinaan bagi projek berkenaan bermula Oktober depan dan dijangka siap se-penuhnya awal 2021.

Katanya, sehingga kini pihaknya menjual 20 unit daripada keseluruhan unit ditawarkan.

"Kami menyasar menjual sehingga 40 peratus dari pada projek pembangunan

ini kepada warganegara lain dan mahu memperuntukkan baki unit kepada penduduk tempatan dan rakyat Australia.

"Ini bagi mengekalkan komuniti bercampur di lokasi berkenaan. Selain itu, kami turut menyasar rakyat Malaysia membeli 10 unit lot banglo di kawasan terbabit," katanya selepas majlis pelancaran projek pembangunan berkenaan di sini.